

18 NOV 1998

APEC-BERITA-CYBERJAYA/I

PEMIMPIN-PEMIMPIN APEC BERTEMU DI CYBERVIEW LODGE

Oleh: E. Sivabalan

CYBERJAYA, 18 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Apec pagi ini beristirehat di Cyberjaya, bandaraya pintar yang pertama dan yang terancang Malaysia yang terletak 40km di selatan Kuala Lumpur, sambil membincangkan berbagai perkara seperti lazimnya.

Selepas hari yang sibuk dengan pertemuan-pertemuan dua hala dan sesi penerangan oleh Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) di Kuala Lumpur semalam, para pemimpin tiba di sini dengan pakaian batik dalam cuaca yang cerah.

Pemimpin lelaki memakai baju batik yang dikatakan berharga RM600 sehelai sementara satu-satunya pemimpin wanita, Perdana Menteri New Zealand Jenny Shipley memakai baju kebaya siap dengan selendang.

Mereka berkumpul di Cyberview Lodge dalam suasana yang seakan-akan satu ladang di sini yang terletak berdekatan dengan pusat pembangunan produk dan perkhidmatan Multimedia di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah berkata Cyberjaya dipilih sebagai tempat beristirehat bagi memberikan para pemimpin dengan suasana hijau nyaman dan lanskap yang menarik selain dari mempamerkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Pemimpin dari 21 ekonomi lingkaran Pasifik kini berada pada hari kedua dan terakhir sidang kemuncak Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik. Mereka tiba sejak 8 pagi tadi.

Selain dari Dr Mahathir dan Shipley, pemimpin-pemimpin lain di sini adalah Perdana Menteri Australia John Howard, Sultan Hassanah Bolkiah dari Brunei, Perdana Menteri Kanada Jean Chretien, Presiden Chile Eduardo Frei, Presiden China Jiang Zemin, Ketua Eksekutif Hong Kong China Tung Chee Hwa, Presiden Indonesia B.J.Habibie;

Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi; Presiden Korea Selatan Kim Dae-Jung; Presiden Mexico Ernesto Zedillo; Perdana Menteri Papua New Guinea Bill Skate; Presiden Filipina Joseph Estrada; Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong; wakil dari China Taipei Dr Chiang Pin-kung; Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai; naib presiden AS Al Gore; Presiden Peru Alberto Fujimori; Perdana Menteri Russia Yevgeny Primakov; dan Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai.

Dalam kawalan keselamatan yang ketat, pertemuan para pemimpin bermula dengan bergambar secara berkumpulan di tepi kolam renang.

Selepas sesi bergambar, para pemimpin menuju ke dewan persidangan kecil bagi "beristirehat sambil bermesyuarat".

Mereka akan berhenti rehat untuk makan tengah hari di mana mereka akan dihidangkan dengan makanan tempatan seperti satay Kajang dan soto ayam.

Mesyuarat itu, yang dijangka mengambil masa kira-kira enam jam, akan diikuti pula oleh pembacaan Deklarasi Apec pada petangnya oleh Dr Mahathir yang juga pengerusi Apec.

Para pemimpin kemudiannya akan mengucapkan selamat tinggal antara satu sama lain. Mereka juga akan dihadiahkan dengan anak patung Barbie yang memakai pakaian tradisi Melayu.

Dr Mahathir kemudiannya akan mengadakan sidang media di Hotel Palace of Golden Horses di Kuala Lumpur

Cyberjaya, komponen utama MSC, terletak dalam kawasan 2,800-hektar. It adalah zon 750-km persegi yang dikenalpasti sebagai pusat pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

Bandaraya baru ini yang dimajukan menggunakan konsep mesra alam

sekitar, terletak lima kilometer di utara Dengkil dengan jalan berhala ke Puchong.

Ia bersebelahan dengan Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang terletak dalam kawasan 7,000-hektar. -- BERNAMA

ES JR